



Menolak pemimpin gila perang

MM-30/10/2005

Dunia Putra, Kuala Lumpur antara 14 hingga 17 Disember ini.

"Kita mahu antiperang menjadi satu kempen besar-besaran yang berterusan di seluruh dunia," katanya dalam satu pertemuan di pejabatnya, di Menara Berkembar Petronas baru-baru ini.

Forum tiga hari itu bakal mendengar dan membincangkan pandangan yang akan dikemukakan oleh tokoh-tokoh politik, pemimpin bisnes, ahli akademik, pemimpin masyarakat dan NGO yang semuanya akan bercakap mengenai keamanan, mengutuk kekerasan dan perang.

Mereka termasuk dua ahli Parlimen Britain cukup kontroversi, George Galloway dan Clare Short, kerana pendirian mereka menentang penglibatan United Kingdom di Iraq. Bekas diplomat PBB ke Iraq, Hans-Christof Von Sponneck dan Denis Halliday juga dijadual hadir sama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual menyampaikan ucapan bertajuk *Islam dan Keamanan*, manakala ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak bertajuk *Ke Arah Dunia Tanpa Keganasan*.

Menurut Dr. Mahathir, forum itu bukan hanya satu tempat untuk mengutuk ketidakadilan dunia atau kekejaman Amerika Syarikat selama ini tetapi lebih besar daripada itu, ia mahu menyusun gerak dan langkah untuk menjadikan perang dan keamanan sebagai isu nombor satu dunia.

"Kita perlu ada banyak NGO di seluruh dunia yang aktif mengutuk perang. Kita harus mula meletakkan perang dan keamanan sebagai isu utama pada setiap masa," katanya.

Sikap keras Dr. Mahathir terhadap perang, yang tentunya juga ada hubung kait dengan pandangannya terhadap dasar luar Amerika Syarikat, bukanlah sesuatu yang asing. Beliau diakui lantang dan tegas menyuarakan kritikkannya terhadap kuasa besar tunggal itu.

"Saya tahu orang melihat ini sebagai kenyataan-kenyataan yang mengutuk Amerika Syarikat. Tetapi apa salahnya?"

"Mereka yang menjadi punca segala kerosakan yang ada di dunia sekarang. Apakah kita hendak mendiamkan diri, tidak berkata apa-apa?"

"Apabila kita memperkatakan tentang perang, mahu tidak mahu kita akan menyentuh tentang Amerika Syarikat," tegas Dr. Mahathir.

Itulah realitinya. Perang adalah Amerika Syarikat, dan Amerika Syarikat adalah perang.

Ketika Presiden George W. Bush sibuk ke sana ke mari menghebohkan negara dan pemimpin tertentu sebagai penganas, dia sengaja memejamkan mata kepada hakikat sejarah.

Sejarah mencatatkan bahawa AS adalah ibu kepada segala penganas. Daripada kezaliman ke atas kaum Red Indian pada kurun ke-19, AS terlibat dalam hampir setiap konflik dan



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

perang yang berlaku di mana-mana pun di seluruh dunia.

Sejak Perang Dunia Kedua, kuasa besar itu sekurang-kurangnya telah menggugurkan bom di 23 buah negara - China, Korea, Guatemala, Cuba, Indonesia, Kemboja, Libya, Sudan, dan sehingga sekarang, di Afghanistan dan Iraq.

Dalam konteks itulah, Dr. Chandra Muzaffar yang penglibatannya dalam isu-isu keamanan diakui di pentas antarabangsa melihat forum pada pertengahan Disember nanti itu sebagai satu acara yang sangat mustahak.

"Kita harus melancarkan kempen untuk melarang perang sebagai satu kaedah penyelesaian masalah antara negara mahupun dalam negara.

"Kita harus menggembelngkan cita-cita, idea dan tenaga manusia sejagat ke arah usaha ini," kata Presiden Pertubuhan Keadilan Sejagat (Just International) itu.

Dr. Chandra yang menyifatkan inisiatif Dr. Mahathir itu sebagai "satu cita-cita yang murni" berkata, protes antiperang yang berlaku di serata dunia ketika Amerika Syarikat mahu melancarkan perang ke atas Iraq sekitar Februari dan Mac 2003 dahulu adalah yang terbesar dan tidak pernah berlaku dalam sejarah manusia.

"Itu petanda bahawa manusia sudah semakin bosan dengan perang," jelasnya.

Tetapi pada masa yang sama, beliau melihat bahawa kuasa-kuasa elit yang terlibat dalam perang memilih jalan perang sebagai satu-satunya cara untuk mereka terus menguasai dunia.

"Apa yang ada pada Amerika Syarikat? Ia bukan kuasa ekonomi. Ia tidak memiliki kekuatan ekonomi. Ia hanya ada kekuatan ke-

tenteraan," tegas Dr. Chandra, sambil mengingati kewujudan 800 pangkalan tentera Amerika Syarikat yang bersepadu di serata benua.

Siapa yang tidak memahami realiti ini barangkali tertidur panjang sejak empat lima tahun lalu.

Sejak perang di Afghanistan, fakta mengenai ketenteraan Amerika Syarikat disebar meluas untuk membangkitkan kesedaran dunia. Belanjawan tahunannya mencecah sehingga AS\$400 bilion setahun, dan dibina untuk menguasai perut lautan sampai ke angkasa lepas.

Selain meningkatkan kekuatan ketenteraan, Amerika Syarikat juga menggunakan kuasa perundangan untuk menghalalkan caranya menguasai dunia, membina empayar global pertama selepas tamat Perang Dingin dan runtuhnya Kesatuan Soviet.

Ia meluluskan undang-undang yang menyokong usahanya melancarkan perang ke atas negara lain termasuk memberikan sokongan kepada segala usaha rakyat negara itu untuk menjatuhkan kerajaannya sendiri.

Ada tiga undang-undang yang telah diluluskan dalam tempoh tidak sampai 10 tahun yang lalu: Iraq Liberation Act 1998, Syria Accountability Act 2003 dan Iran Freedom and Support Act 2005. Percaya atau tidak, Amerika Syarikat meluluskan undang-undangnya sendiri untuk menceroboh dan menyerang negara lain!

"Menceroboh bermakna membunuh. Apakah yang negara lain itu rasa?" tanya Dr. Mahathir.

Beradu tenaga

Perang pada zaman moden ini bukan lagi seperti perang pada zaman kuno, ketika manusia beradu tenaga di lapangan dengan pedang dan perisai, busur dan panah. Perang pada zaman ini dikendalikan di bilik perang yang letaknya jauh beribu-ribu batu dari sasaran. Dari sebuah tanah lapang, medan perang menjadi luas sehingga seluruh negara.

"Angka-angka kematian dalam perang itu bukan hanya sekadar nombor," tegas Dr. Mahathir.

Memang benar, mangsa perang adalah manusia yang ada ahli keluarga, masa depan dan cita-cita tetapi perang meragut segala-galanya termasuk generasi kanak-kanak harapan pewaris.

"Kita tidak perlu kepada pemimpin-pemimpin yang gila perang ini untuk memimpin negara," katanya, sambil melahirkan harapan suatu hari nanti perang menjadi isu pilihan raya - sama seperti alama sekitar, dan pengundi memilih pemimpin yang menolak perang.

"Hanya dengan cara itu saja kita boleh mendapatkan lebih banyak pencinta keamanan yang memimpin negara, termasuk kuasa-kuasa besar."

Tetapi Bush terpilih semula sebagai

Presiden AS walaupun dunia mengecam sikapnya yang suka berperang. Perdana Menteri, Tony Blair dan Perdana Menteri, John Howard juga menang pilihan raya masing-masing di UK dan Australia. Dunia tahu mereka berbohong menghalalkan perang di Iraq tetapi mereka terpilih juga.

"Ini tidak sepatutnya berlaku," kata Dr. Mahathir.

Hal itu memang tidak patut berlaku hanya kalau orang mempunyai kesedaran yang tinggi tentang perang dan makna keamanan. Itulah yang mahu dicetuskan melalui Forum Keamanan Sejagat Perdana 2005 itu.

Apakah ertinya pemimpin yang menolak perang kepada keamanan dunia?

Kepada Dr. Mahathir, apabila rakyat memilih pemimpin yang menolak perang, keamanan akan menjadi agenda utama negara berkenaan. Malah beliau mengimpikan wujud Kementerian keamanan dalam sistem pentadbiran kerajaan negara-negara di serata dunia, menggantikan Kementerian pertahanan yang ada sekarang.

"Kenapa tidak? Ini bukan sesuatu yang mustahil. Kalau ada keamanan dan tiada perang, kita tidak memerlukan Kementerian Pertahanan," katanya.

Pemimpin yang benci perang akan menggunakan saluran diplomatik dan rundingan untuk menyelesaikan perselisihan faham antara negara, mahupun krisis dalam negara. Kedua, dan ini lebih utama, sikapnya itu akan menamatkan perlumbaan pemilikan senjata yang rancak di seluruh dunia.

Dalam pertemuan itu, Dr. Mahathir menceritakan dengan panjang lebar tentang perang dan penjualan senjata. Beliau mempersoalkan kan apa perlunya senjata kepada negara yang tidak berperang dan taktik pedagang senjata melaga-lagakan negara-negara berjiran supaya membeli dagangannya.

Beliau kemudian menceritakan tentang bagaimana banyaknya duit yang dihabiskan untuk meningkatkan kelengkapan senjata. Setengah negara mundur, katanya, dipaksa membeli senjata ketika rakyatnya sendiri kebuluran tidak ada apa hendak dimakan.

"Bukankah duit itu boleh digunakan untuk memperbaiki kualiti hidup manusia - menghapuskan kemiskinan, menambah baik tahap pendidikan dan sebagainya?" tanyanya.

Menjelang hujung pertemuan itu, Dr. Mahathir mengakui bahawa beliau ada banyak idea tentang keamanan dunia tetapi belum bersedia untuk berkongsi pandangan mengehainya.

Idea-ideanya itu - yang tentunya akan kita dengar lebih lanjut dalam Forum Keamanan Sejagat Perdana 2005 nanti - mungkin akan melahirkan bibit-bibit keamanan di serata dunia - mencetuskan kesedaran dan rasa benci kepada perang.

Apabila masa itu tiba nanti, keamanan tetap tidak dijual beli sebagai alat komoditi. Tetapi itu tidak bermakna ia tidak boleh dicari.

Oleh NOOR AZAM SHAIRI



KETIKA tanah airnya berhadapan ancaman diserang oleh Amerika Syarikat, seorang gadis kecil Afghanistan meluahkan isi hatinya kepada pemimpin-pemimpin dunia yang berhimpun di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Keamanan tidak ada dijual di mana-mana di dunia ini. Jika tidak saya telah lama membelinya untuk tanah air saya sendiri," katanya.

Amanat gadis kecil itu ada dimuatkan dalam buku nipis *Afghanistan's Children Speak to UN Special Session* terbitan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Save the Children pada hujung September 2001.

Apa yang dirasakan oleh gadis itu empat tahun lalu barangkali sama dengan apa yang dirasakan oleh kebanyakan orang di belahan dunia mana pun sekarang.

Sejak September itu, dunia sudah sama sekali berubah. Menara berkembar Pusat Dagangan Dunia di New York runtuh bersama keamanan dunia. Daripada asap dan debu yang berkepul, tumbuh kemusnahan dan kesengsaraan dek perang.

Sejarah dunia selepas peristiwa 11 September ialah catatan yang penuh dengan cerita tentang peperangan - kemusnahan, kehilangan, kematian, kecacatan dan penderitaan.

Harapan

Tetapi di sebalik semua cerita yang menyakitkan hati itu ada sesuatu yang cerah, yang memberikan harapan tentang masa depan - kelahiran gerakan antiperang yang bangkit di serata dunia, secara sukarela tidak dipaksakan oleh sesiapa.

Gerakan antiperang ini bagaimanapun masih bergerak secara terasing, belum digembelngkan secara bersepadu sehingga menjadi satu gelombang yang tidak boleh ditahan-tahan lagi.

Tetapi kalau apa yang dicita-cita oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi kenyataan, semua itu akan berubah menjelang hujung tahun ini. Titik tolaknya ialah Forum Keamanan Sejagat Perdana 2005 yang akan berlangsung di Pusat Dagangan